

14 tong silinder berisi karbon dioksida bocor ketika buat kerja selenggaraan

3 pekerja tempatan sesak nafas

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KUALA LUMPUR – Tiga lelaki sesak nafas selepas 14 tong silinder berisi gas karbon dioksida (CO₂) bocor ketika mereka sedang membuat kerja-kerja penyelenggaraan di dalam bilik substesen elektrik bawah tanah di tempat letak kenderaan sebuah bank di Jalan Sultan Ismail di sini semalam.

Dalam kejadian pada pukul 3.45 petang itu, kesemua pekerja kontrak tempatan itu dikatakan sedang mengeluarkan set janakuasa bergerak (genset) lama dalam bilik berkenaan untuk digantikan dengan yang baharu.

Bagaimanapun, ketika proses mengeluarkan genset itu, mereka terlanggar saluran paip yang disambungkan ke 14 tong silinder CO₂ sekali gus menyebabkan kebocoran gas.

Akibat perlanggaran itu, Ng Yoke Chee, 64, Ng Yoke Mun, 58, dan Fong Loon Loy, 54, mengala-



SEORANG daripada tiga pekerja yang sesak nafas akibat terhidu gas CO₂ mengalami kecederaan pada kepala akibat terjatuh di dalam bilik substesen sebuah bank di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur semalam.

mi sesak nafas sebelum dibantu orang awam yang kebetulan melalui kawasan berkenaan.

Pengarah Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahan berkata, pihaknya menerima panggilan pada pukul 3.52 petang dan tiba di lokasi 10 minit kemudian.

Katanya, perlanggaran itu menyebabkan kesemua gas CO₂

dalam 14 tong silinder berkeenaan bocor menyebabkan tiga lelaki tempatan itu sesak nafas.

“Sebaik tiba kita mendapati tiga mangsa berada di lokasi dan seorang daripadanya cedera pada kepala akibat terjatuh ketika tong silinder CO₂ itu bocor.

“Kesemua mangsa dibawa ke Hospital Kuala Lumpur ekoran mereka sesak nafas dan tiada



ANGGOTA bomba memeriksa bilik substesen elektrik bawah tanah tempat 14 tong gas CO₂ bocor di parkir kereta sebuah bank di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.

kemalangan jiwa dilaporkan,” katanya selepas Majlis Penganugerahan Pingat Setia Bomba, Pingat Cemerlang serta Sijil Anugerah Cemerlang Peringkat Bomba Kuala Lumpur di Hotel Renaissance, Jalan Ampang di sini semalam.

Kosmo! difahamkan tong silinder CO₂ akan diletakkan di dalam bilik substesen elektrik bagi

menghalang kebakaran berlaku.

Gas CO₂ akan memenuhi ruang bilik itu sekiranya ada kebakaran berlaku sekali gus boleh menghalang api merebak ke tempat lain.

Menurutnya lagi, hasil pemeriksaan Pasukan Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) mendapati kesemua CO₂ dalam 14 tong silinder tersebut telah bocor.